



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



LAPORAN PROJEK AKHIR  
PORTABLE NOISE PANEL

OLEH

MOHAMMAD DANIAL LUQMAN BIN HISHAM

08DPB20F2019

PROGRAM DIPLOMA KEJURUTERAAN PERKHIDMATAN BANGUNAN  
JABATAN KEJURUTERAAN AWAM  
POLITEKNIK PREMIER SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH  
SHAH ALAM, SELANGOR

SESI 2 2022/2023



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**  
**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**



## **LAPORAN PROJEK AKHIR**

**SESI II 2022/2023**

### **AHLI KUMPULAN:**

- |   |                     |
|---|---------------------|
| <b>1. MOHAMMAD DANIAL LUQMAN BIN HISHAM</b>     | <b>08DPB20F2019</b> |
| <b>2. MUHAMMAD AFSAR KHALISH BIN ANUAR SHAH</b> | <b>08DPB20F2009</b> |
| <b>3. MUHAMMAD HAIQAL IMAN BIN MUHD AMIN</b>    | <b>08DPB20F2022</b> |

### **PENYELIA:**

**PUAN SARAH AFZAN BINTI ABD KARIM**

**DIPLOMA KEJURUTERAAN PERKHIDMATAN BANGUNAN JABATAN  
KEJURUTERAAN AWAM**

## **PERAKUAN KEASLIAN DAN HAK MILIK**

“Kami akui karya ini adalah hasil kerja kami sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah kami jelaskan sumbernya”

Tandatangan :

Nama Penulis : MOHAMMAD DANIAL LUQMAN BIN HISHAM

No Matriks : 08DPB20F2019

Tarikh :31/5/2023

## PENGESAHAN PENYELIA

“Saya akui bahawa saya telah membaca laporan ini dan pada pandangan saya laporan ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk penganugerahan Diploma Kejuruteraan Perkhidmatan Bangunan”

Tandatangan :   
Nama : Puan Sarah Afzan Binti Abd Karim  
Tarikh : 31/5/2023

SARAH AFZAN BINTI ABD KARIM  
PENYARAH  
PENGURUSAN KEJURUTERAAN BANGUNAN  
POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABUL AZIZ SHAH

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah segala puji bagi Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnianNya telah memberi kekuatan kepada kami dalam menyiapkan projek ini. Terlebih dahulu kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Puan Sarah Afzan Binti Abd Karim selaku penyelia di atas segala bimbingan, teguran dan nasihat yang diberikan sepanjang kami menyempurnakan tugas dan laporan ini.

Selain itu, setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga dirakamkan kepada beliau atas segala dorongan, bantuan dan keprihatinan semasa menyempurnakan laporan ini. Bimbingan, pandangan dan tunjuk ajar yang dihulurkan telah banyak membantu kepada kejayaan laporan ini. Kami amat menghargai keprihatinan beliau yang sedia berkongsi maklumat dan kepakaran, senang dihubungi dan cepat dalam tindakan semasa sesi penyeliaan sepanjang pengajian ini. Semangat kesabaran, pembacaan yang teliti, minat terhadap kajian ini serta maklum balas daripada beliau yang meyakinkan amat membantu untuk menyempurnakan laporan ini.

Setinggi-tinggi penghargaan juga diberi kepada semua pensyarah Kejuruteraan Perkhidmatan Bangunan yang sentiasa memberi bantuan dan kerjasama sepanjang tempoh pengajian kami di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Ucapan terima kasih juga kepada keluarga dan rakan-rakan yang menjadi pembakar semangat dan tidak jemu memberi pendapat dan kritikan sepanjang projek ini dijalankan. Tidak dilupakan juga kepada pihak-pihak yang terlibat memberi kerjasama dan melancarkan perjalanan projek kami di dalam urusan penulisan kajian kami. Dorongan dan sokongan dari semua pihak menjadi tulang belakang kepada kami untuk menyiapkan projek ini dengan jayanya. Semoga projek yang dibangunkan ini dapat memberi manfaat kepada orang awam.

Sekali lagi kami memanjatkan doa kesyukuran ke hadrat Ilahi, agar segala usaha yang disumbangkan diberkati oleh Allah S.W.T di dunia dan akhirat. Sekian, terima kasih.

## ABSTRAK

Pencemaran bunyi adalah pencemaran yang paling kurang diberi perhatian oleh semua pihak berbanding dengan pencemaran air dan udara dari segi masa dahulu. Pencemaran ini boleh dibahagikan kepada empat bahagian, iaitu kebisingan selang-seli, kebisingan selenjar, kebisingan fluktuasi dan bunyi lantunan. Pencemaran bunyi ialah bunyi bising yang keterlaluan sehingga menyakitkan telinga. Pencemaran bunyi biasanya melebihi 80 desibel dan pencemaran ini mengikut situasi dan keinginan masing-masing. Pencemaran bunyi sering berlaku di kawasan perumahan dan kawasan komersial seperti premis bengkel kenderaan, kedai makan, farmasi dan klinik swasta. Ini secara tidak langsung mengganggu ketenteraman penduduk setempat dengan bunyi bising tersebut. Objektif 'PORTABLE NOISE PANEL' (P.N.P) direka bentuk adalah untuk menyerap bunyi daripada kawasan kajian dengan menggunakan sumber bahan kitar semula. Bahan utama kitar semula yang digunakan untuk menghasilkan 'PORTABLE NOISE PANEL' (P.N.P) adalah seperti kotak telur, hampas tebu, habuk kayu dan fabrik. Terdapat TIGA (3) ketebalan saiz ketebalan panel yang berbeza iaitu 2.0cm, 4.0cm dan 6.0cm. Manakala setiap ketebalan itu terdiri daripada 3 saiz panel berbeza iaitu 41cm x 77cm, 54cm x 77cm dan 82cm x 77cm. Saiz panel yang berbeza ini digunakan untuk mengukur kadar serapan bunyi. Kesemua panel ini diisi dengan bahan kitar semula mengikut nisbah yang telah ditetapkan. Panel-panel ini dipasang pada satu kotak kayu yang bersaiz 77cm X 54cm X 82cm. Tahap kebisingan bunyi yang terhasil daripada telefon bimbit yang diletakkan di dalam kotak kayu diukur dengan menggunakan 'Sound Level Meter' (SLM). Daripada bacaan didapati tanpa menggunakan 'PORTABLE NOISE PANEL' (P.N.P), bunyi yang di rekodkan menggunakan sound level meter adalah sebanyak 63.3 dBA dan 65.2 dBC. Setelah pemasangan alat 'PORTABLE NOISE PANEL' (P.N.P), bacaan bagi panel bersaiz 2.0cm memberikan nilai 55.1dBA dan 62.6dBC, bacaan bagi panel bersaiz 4.0cm pula memberikan nilai 51.4dBA dan 61.3dBC manakala bacaan bagi panel bersaiz 6.0cm memberikan nilai 48.3dBA dan 59.1dBC. Data ini jelas menunjukkan penggunaan 'PORTABLE NOISE PANEL' (P.N.P) berketebalan 6.0 cm dapat memberikan nilai kadar serapan bunyi yang sangat berbanding dengan dua panel lain. Kajian ini perlu ditambah baik dengan memperluaskan skop kajian kepada lokasi yang sebenar di kawasan komersial untuk mendapatkan nilai bacaan yang lebih tepat dan jitu.

## ABSTRACT

Noise pollution has received the least attention compared to water and air pollution in the past. This type of pollution can be categorized into four parts: intermittent noise, continuous noise, fluctuation noise, and bounce noise. Noise pollution refers to excessive noise that can harm the ears, usually exceeding 80 decibels. The intensity of this pollution varies depending on the situation and individual preferences. Noise pollution is frequently encountered in residential areas and commercial establishments such as vehicle workshops, restaurants, pharmacies, and private clinics. It indirectly disrupts the peace and tranquility of local residents due to the noise. The objective of the 'PORTABLE NOISE PANEL' (P.N.P) is to absorb noise in the study area using recycled materials. The main recycled materials used for producing the 'PORTABLE NOISE PANEL' (P.N.P) include egg boxes, sugar cane bagasse, wood dust, and fabric. There are three different panel thickness sizes: 2.0cm, 4.0cm, and 6.0cm. Each thickness consists of three different panel sizes: 41cm x 77cm, 54cm x 77cm, and 82cm x 77cm. These various panel sizes are used to measure sound absorption rates. All of these panels are filled with recycled materials according to a predetermined ratio. The panels are mounted on a wooden box measuring 77cm x 54cm x 82cm. The sound noise level produced by a mobile phone placed in a wooden box was measured using a 'Sound Level Meter' (SLM). Without using the 'PORTABLE NOISE PANEL' (P.N.P), the sound recorded with the sound level meter was 63.3 dBA and 65.2 dBC. After installing the 'PORTABLE NOISE PANEL' (P.N.P) tool, the 2.0cm panel recorded values of 55.1 dBA and 62.6 dBC, the 4.0cm panel recorded values of 51.4 dBA and 61.3 dBC, while the 6.0cm panel recorded values of 48.3 dBA and 59.1 dBC. This data clearly shows that the use of a 'PORTABLE NOISE PANEL' (P.N.P) with a thickness of 6.0cm provides a significantly higher sound absorption rate compared to the other two

## **SENARAI JADUAL**

Jadual 1	Data bahan terbuang
Jadual 2	Perbandingan natural fiber dan glass fiber
Jadual 3	ratio bahan
Jadual 4	Carta gantt
Jadual 5	Data bacaan decibel

## **SENARAI CARTA**

Carta 1
Carta 2
Carta 3
Carta 4
Carta 5



## SENARAI KANDUNGAN

### Contents

BAB 1 .....	1
<b>PENGENALAN</b> .....	1
1.1 <b>Pendahuluan</b> .....	1
1.2 <b>Latar Belakang Kajian</b> .....	3
1.3 <b>Pernyataan Masalah</b> .....	3
1.4 <b>Objektif Kajian</b> .....	4
1.5 <b>Skop Kajian</b> .....	5
1.6 <b>Persoalan Kajian</b> .....	5
1.7 <b>Kepentingan Kajian</b> .....	6
1.8 <b>Rumusan</b> .....	6
BAB 2 .....	7
<b>KAJIAN LITERATUR</b> .....	7
2.1 <b>Pengenalan</b> .....	7
2.2 <b>Prinsip penyerap bunyi</b> .....	7
2.3 <b>Faktor-faktor yang mempengaruhi penyerapan bunyi</b> .....	8
2.3.1 <b>Rintangan Arus Udara dalam Bahan Menyerap Bunyi</b> .....	8
2.3.2 <b>Porosity</b> .....	8
2.3.3 <b>Ketebalan Bahan Menyerap Suara</b> .....	8
2.3.4 <b>Ketumpatan Ketara (Berat Jumlah) Bahan Menyerap Bunyi</b> .....	9
2.3.5 <b>Bahan menyerap bunyi menyerap kelembapan dan air</b> .....	9
2.4 <b>JURNAL RUJUKAN</b> .....	9
2.4.1 <b>PROSES PEMBUATAN (PNP)</b> .....	9
2.4.3 <b>Analisis penyerapan bunyi menggunakan kotak telur dan bahan kitar semula</b> .....	12
2.4.4 <b>Bahan-bahan</b> .....	13
2.4.6 <b>Piawaian akta pencemaran bunyi</b> .....	15
BAB 3 .....	17
<b>KAEDAH METADOLOGI</b> .....	17
3.1 <b>Pengenalan</b> .....	17
3.2 <b>Kaedah Perlaksanaan Projek</b> .....	17
3.3 <b>Reka Bentuk Kajian</b> .....	18
3.4 <b>Reka Bentuk Prototaip</b> .....	18

3.4.1	Pembuatan Prototaip Kedua .....	20
3.4.2	Nisbah Campuran.....	21
3.4.3	Proses pensebatian prototaip kedua.....	21
3.5	Penambah baik produk .....	24
3.5.1	Konsep penambah baik .....	24
3.5.2	Pernisbahan dan bahan-bahan yang digunakan.....	25
3.6	Penghasilan tempat uji kaji.....	27
3.6.1	Proses lakaran uji kaji.....	27
3.6.2	Proses pembinaan tempat uji kaji fizikal .....	28
3.7	Carta Gantt Aktiviti Projek .....	29
3.8	Soal selidik .....	30
3.9	Instrumen kajian.....	32
4.0	Pemilihan Barang.....	33
4.1	Rumusan .....	35
BAB 4	.....	36
	<b>HASIL DAPATAN</b> .....	36
4.1	Pengenalan.....	36
4.2	Data hasil .....	36
4.3	Kesimpulan.....	37
BAB 5	.....	38
	<b>CADANGAN DAN KESIMPULAN</b> .....	38
5.1	PENGENALAN.....	38
5.2	PERBINCANGAN .....	38
5.3	CADANGAN .....	39
5.4	KESIMPULAN .....	39
5.5	RUMUSAN BAB .....	39
5.6	RUJUKAN .....	40

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.1 Pendahuluan**

Kita mengakui hakikat bahawa pencemaran bunyi di negara kita selama ini belum begitu diberikan perhatian oleh pihak berkuasa dan orang ramai berbanding dengan masalah pencemaran air dan udara. Walaupun demikian, sejak akhir-akhir ini isu pencemaran bunyi sudah menjadi isu yang sering diperkatakan orang disebabkan kesannya ke atas kesihatan sudah mula terasa.

Masalah ini semakin terasa, terutamanya apabila banyak lebuh raya dibina berhampiran kawasan perumahan di bandar besar, seperti Lebuh raya Damansara Puchong. Pencemaran bunyi merupakan salah satu jenis pencemaran yang timbul selaras dengan perkembangan infrastruktur dan ekonomi negara. Jika tidak diberikan perhatian yang serius, pencemaran ini akan menimbulkan banyak masalah kepada orang ramai.

Punca utama yang menimbulkan pencemaran bunyi ialah pertambahan jumlah kenderaan, terutamanya di jalan raya. Masalah kesesakan lalu lintas yang timbul menyebabkan kebisingan, iaitu daripada hon kereta dan bunyi enjin kenderaan berat, terutamanya yang telah usang dan berenjin diesel. Begitu juga keadaannya dengan alat pengangkutan awam, seperti bas dan teksi yang terdiri daripada kenderaan lama yang tidak mempunyai alat penyerap bunyi atau yang fungsinya tidak efisien lagi. Keadaan akan menjadi bertambah buruk apabila ada pemilik kenderaan mengubahsuaikan ekzos kenderaan mereka dengan tujuan untuk menghasilkan bunyi yang lebih kuat dan bising. Kerja di tapak pembinaan dan proses pengeluaran di kilang juga merupakan faktor yang menyebabkan pencemaran bunyi.

Negara kita mengalami proses pembangunan pada tahap optimum dan dengan itu mengalami ledakan dalam bidang perindustrian dan pembinaan. Proses pembinaan bangunan baharu, infrastruktur, dan kerja pembinaan jalan raya melibatkan penggunaan

jentera dan mesin yang mengeluarkan bunyi yang kuat. Selain itu, pengubahsuaian struktur tanah, seperti pemotongan lereng bukit untuk membuka kawasan perumahan baharu dan jalan raya yang menggunakan jentera berat, seperti mesin penggerudi pula mengeluarkan bunyi bising. Kilang juga menggunakan mesin pemrosesan yang besar dan jentera pendingin yang lazimnya mengeluarkan bunyi yang kuat, kesan daripada penggunaan tenaga yang amat tinggi. Kesemuanya ini mewujudkan masalah pencemaran bunyi.

Kesan pencemaran bunyi yang ketara ialah gangguan pada organ pendengaran manusia. Manusia mempunyai kebolehan mendengar bunyi tidak melebihi 80 desibel. Pendedahan kepada bunyi yang melebihi had ini secara berpanjangan akan menyebabkan gangguan pada gendang telinga dan akibatnya seseorang itu boleh menjadi pekak. Organ pendengaran manusia begitu lembut dan sensitif dan sekiranya terdedah begitu lama kepada bunyi yang terlalu kuat akan menjejaskan fungsinya, sama ada secara kekal atau sementara. Kajian yang dilakukan terhadap pekerja kilang yang sering terdedah kepada bunyi jentera yang kuat selama beberapa tahun menunjukkan tahap pendengaran mereka lebih rendah berbanding dengan pekerja yang tidak terdedah kepada keadaan demikian.

Pencemaran bunyi juga menyebabkan gangguan psikologi dan tekanan emosi kepada seseorang. Pendedahan kepada kebisingan yang melampau boleh menjejaskan keupayaan berfikir seseorang. Seterusnya, bunyi yang terlalu kuat juga boleh menyebabkan seseorang bertindak secara agresif dan di luar kawalannya. Tekanan boleh menjadi kesan kekal sekiranya pendedahan kepada bunyi yang kuat tidak dikurangkan

Di sebalik itu, bunyi yang bising juga boleh mengganggu tumpuan seseorang terhadap pekerjaan yang dilakukannya. Seseorang pelajar di sebuah sekolah yang terbina bersebelahan dengan jalan raya yang sibuk misalnya, tidak akan dapat mengikuti pelajaran dengan tenteram. Hal yang sama juga berlaku apabila seseorang pekerja pejabat tidak dapat melakukan kerja dengan efisien ketika pejabatnya diubah suai. Dengan perkataan lain, kebisingan boleh menyebabkan kemerosotan prestasi seseorang dan ini tentunya amat merugikan

Jadi untuk mengurangkan pencemaran bunyi, terdapat perkara yang boleh disumbangkan iaitu dengan menggunakan teknologi alat penyerap bunyi, namun dengan

lebih inovatif penyerap bunyi yang akan digunakan akan lebih mesra alam dan lebih kepada penggunaan barang kitar semula.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Tidak dapat dinafikan bahawa pencemaran bunyi adalah pencemaran yang paling kurang diberi perhatian oleh semua masyarakat berbanding pencemaran yang lain seperti pencemaran air dan udara. Pencemaran boleh dibahagi kepada empat iaitu kebisingan selang selang seli, kebisingan selenjar seperti bunyi yang kuat dengan masa yang mendatar dan bunyi lantunan yang boleh membuatkan tempat tersebut menjadi lebih bising. Pencemaran bunyi juga boleh membahayakan kesihatan kita seperti contoh, `bunyi kuat yang keterlaluan kebiasaannya bunyi yang melebihi 80 desibel akan menyakitkan telinga dan boleh menyebabkan gegandang telinga rosak dan berlakunya masalah pendengaran kepada seseorang individu.

Oleh itu bagi mengelakkan, kita boleh menggunakan alat penyerap bunyi. Alat penyerap bunyi yang selalu digunakan oleh masyarakat sekarang ialah alat yang diperbuat daripada span dan ianya bahan utama bagi produk yang dipasarkan oleh peniaga. Contoh untuk produk penyerap bunyi selalunya digunakan di dalam studio musik kerana untuk mendapatkan bunyi yang kedap dan tidak mengganggu mana mana individu di sekitar kawasan tersebut

## **1.3 Pernyataan Masalah**

Seperti dalam latar belakang kajian, telah menghuraikan salah satu sebab premis dan pelbagai tempat perlu adanya alat penyerap bunyi, untuk lebih mendalam masalah pencemaran bunyi boleh menyebabkan individu akan mengalami masalah dari segi emosi dan kesihatan, Oleh kerana itu produk ini sangat membantu kepada masyarakat.

Masalah yang dapat di kenal pasti untuk lebih terus menginovasikan produk penebat bunyi ini adalah dari segi harga produk. Umum mengetahui wang ringgit adalah perkara yang penting kepada masyarakat tidak kira kaya atau miskin, tanpa wang ringgit

manusia tidak dapat mampu membeli barang keperluan harian seperti contoh makanan, pakaian, membayar bil rumah, dan membayar hutang.

Selain dari wang, masalah yang dapat di kenal pasti adalah dari segi pemasangan produk penebat bunyi, selalu yang ada di pasaran yang boleh di jumpa dalam laman sesawang Internet harganya agak mahal untuk masyarakat biasa membelinya, lingkungan harga untuk satu panel bersaiz 30cm X 30 cm harga dalam lingkungan 15 ringgit untuk satu keping, jika di beli secara pukal mungkin akan sedikit murah, tetapi untuk masyarakat biasa yang hanya untuk letak di kawasan tertentu, ia agak tidak berbaloi atas faktor harga. Tetapi produk seperti panel akustik ini tidak asing bagi pemuzik, pekerja di dalam studio muzik dan penggiat seni kerana panel penebat bunyi ini adalah perkara penting untuk mereka, kerana orang seni ini akan sentiasa menggunakan panel ini untuk berkarya di dalam studio, berbeza dengan masyarakat biasa seperti contoh pelajar yang menduduki di dalam kelas lingkungan masanya amat terhad secara konklusinya pembelian panel akustik di pasaran agak merugikan.

Seterusnya penyata masalah yang dapat di rumuskan adalah pemasangan panel berkait juga dengan wang kerana panel penebat bunyi yang ada di pasaran, jenis pemasangannya adalah jenis pasang dan lekat terus, konsep ini agak merugikan individu kerana pemasangan terus lekat di dinding ini hanya akan tetap di satu dinding dan tidak boleh di alih, dengan kuantiti panel yang banyak dan harga yang tidak berpatutan bagi sesetengah pihak ia sekurang kurangnya boleh di alih dan mudah di pasang tanpa merosakkan dinding kawasan tersebut. Oleh itu akustik panel yang berada di pasaran ini baik hanya untuk segelintir pihak, seperti masyarakat biasa dan lain-lain ia tidak berbaloi

#### **1.4 Objektif Kajian**

Objektif kajian pada peringkat awalan kajian adalah untuk:

- I. Mereka bentuk satu bahan yang mampu menyerap bunyi bising
- II. Mengenal pasti kadar penyerapan bunyi bising menggunakan bahan kitar Semula

- III. Membuat perbandingan saiz dan ketebalan panel dapat mempengaruhi penyerapan bunyi (6cm)

Setelah melakukan beberapa penyelidikan yang lebih lanjut, objektif kajian adalah menggunakan bahan terbuang untuk menjadikan satu panel penyerap bunyi yang mudah di pasang dan lebih mesra alam. Hal ini kerana produk "**PORTABLE NOISE PANEL**" yang akan di inovasikan, sasaran produk ini adalah untuk kawasan institusi, premis perniagaan pekerjaan yang terbiasa dengan bunyi bising tetapi tidak arif dengan pencemaran bunyi

## 1.5 Skop Kajian

Skop kajian untuk produk "**PORTABLE NOISE PANEL**" ini adalah untuk mengkaji kadar penyerapan bunyi dengan menggunakan akustik foam panel dengan berberza ketebalan, sedia maklum bahawa saiz POTABLE NOISE PANEL ini telah ditetapkan atas dasar ketetapan saiz tempat uji, Oleh kerana itu kajian yang akan dapat di bincangkan adalah perbezaan ketebalan akustik panel

- 2 cm -MUHAMMAD HAIQAL IMAN BIN MOHD AMIN (F2022)
- 4 cm -MUHAMMAD AFSAR KHALISH BIN ANUAR SHAH (F2009)
- 6 cm –MOHAMMAD DANIAL LUQMAN BIN HISHAM (F2019)

## 1.6 Persoalan Kajian

Terdapat banyak kepentingan yang diperoleh daripada kajian, contohnya, mengurangkan pencemaran bunyi di kawasan kawasan tertentu. Seterusnya, projek kita dapat membantu menyelesaikan masalah dari segi tekanan diri dari segi mental, ini kerana umum mengetahui pencemaran bunyi adalah salah satu penyumbang kepada masalah tekanan diri terhadap seseorang . Selain itu, ia juga dapat membantu menggunakan sisa sisa kitar semula seperti hampas tebu, kulit jagung dan lain lain digunakan sehabis baik dan tidak

di bazirkan. Akhir sekali, produk ini juga berpotensi untuk membuka mata masyarakat tentang kesedaran pencemaran bunyi

## 1.7 Kepentingan Kajian

Portable: Istilah “*portable*” adalah perkataan daripada Bahasa Inggeris yang secara umumnya bermaksud mudah alih, produk yang kami sedang inovasikan ini adalah mudah di alih dan di pasang.

Noise: Istilah “*Noise*” adalah perkataan daripada Bahasa Inggeris. Bagi terjemahan Bahasa melayu adalah “bunyi”. Sesuatu yang dapat didengari selain suara manusia

Panel: Istilah “*Panel*” adalah perkataan daripada Bahasa Inggeris. komponen rata atau melengkung, biasanya segi empat tepat, yang membentuk atau ditetapkan pada permukaan pintu, dinding atau siling.

Seksyen 23 sekatan mengenai pencemaran bunyi bising ini menunjukkanbahawakerajaan mengambil serius mengenai pencemaran bunyi, tetapi pada mata masyarakat ia agak kurang di ambil endah kerana kurangnya pendedahan tentang pencemarantersebut

## 1.8 Rumusan

Pada masa kini, pencemaran bunyi mempunyai pelbagai faktor, seperti di perenggan atas, telah di tuliskan faktor-faktor pencemaran bunyi. Secara keseluruhannya, dengan menggunakan produk yang di inovasikan ini dapat membantu mengurangkan sedikit masalah pencemaran bunyi.



## **BAB 2**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.1 Pengenalan**

Setelah mengenal pasti masalah, kepentingan, objektif, skop dan kaedah kajian, kajian literatur akan dijalankan terlebih dahulu untuk memastikan langkah seterusnya dapat dilaksanakan. Tujuan kajian literatur ialah untuk menjelaskan kajian yang akan dijalankan berdasarkan maklumat dan pengetahuan yang tepat tentang hubung kait isu yang hendak dikaji

Bab ini membincangkan definisi bahan kitar semula yang paling kuat menyerap bunyi, definisi dan prinsip amat penting untuk diketahui dan difahami sebelum penerangan yang lebih terperinci mengenai projek ini. Selain itu bab ini juga membincangkan faktor untuk menyerap bunyi di antara jenis-jenis bahan kitar semula tersebut.

Di samping itu, bab ini juga membincangkan tentang cara-cara pembentukan panel dan campuran nisbah bahan-bahan kitar semula yang di kumpul, Kajian tersebut dilakukan untuk mengetahui proses-proses yang dilakukan dan bahan-bahan apabila telah di jadikan satu bentuk panel. Kajian ini juga akan menunjukkan kebaikan dan kelemahan produk ini.

#### **2.2 Prinsip penyerap bunyi**

Panel penyerap bunyi adalah digunakan untuk mengurangkan bunyi yang berada di suatu bilik atau premis, apabila bunyi yang di keluarkan tidak kira dari manusia atau mesin, panel penyerap bunyi akan menyerap bunyi tersebut

### **2.3 Faktor-faktor yang mempengaruhi penyerapan bunyi**

Terdapat banyak faktor yang mempengaruhi prestasi penyerapan bunyi bahan penyerap bunyi berlekung

#### **2.3.1 Rintangan Arus Udara dalam Bahan Menyerap Bunyi**

Rintangan aliran udara merujuk kepada nisbah perbezaan tekanan statik dan halaju aliran pada kedua-dua belah bahan menyerap bunyi apabila aliran udara stabil melalui bahan penyerap bunyi. Kelikatan udara yang lebih besar, lebih tebal dan padat bahan penyerap bunyi, semakin besar rintangan aliran dan semakin rendah kebolehan bahan menyerap bunyi

#### **2.3.2 Porosity**

Merujuk kepada nisbah isi padu udara dalam bahan penyerap bunyi kepada jumlah bahan penyerap bunyi. Pada umumnya, lekukan bahan penyerap bunyi berliang lebih daripada 70%, dan kebanyakannya mencapai kira-kira 90%

#### **2.3.3 Ketebalan Bahan Menyerap Suara**

Dengan peningkatan ketebalan bahan penyerap bunyi yang sama, pekali penyerapan julat frekuensi sederhana dan rendah akan meningkat, dan julat frekuensi yang berkesan bagi bahan penyerap bunyi juga akan berkembang.

Apabila bahan yang menyerap bunyi lebih nipis, prestasi bunyi yang menyerap bunyi rendah bahan akan sangat bertambah dengan peningkatan ketebalan. Apabila ketebalan bahan

penyerapan bunyi meningkat ke tahap yang tertentu, peningkatan pekali penyerapan bunyi secara perlahan akan berkurang balan, tetapi kesannya pada prestasi penyerapan bunyi yang tinggi akan berkurangan, Apabila ketebalan bahan penyerapan bunyi meningkat ke tahap yang tertentu, peningkatan pekali penyerapan bunyi secara perlahan akan berkurang

#### **2.3.4 Ketumpatan Ketara (Berat Jumlah) Bahan Menyerap Bunyi**

Untuk bahan penyerap bunyi yang berbeza, pengaruh ketumpatan pada prestasi penyerapan bunyi mereka adalah berbeza. Secara umumnya, untuk bahan yang menyerap bunyi yang sama, apabila ketebalannya tetap, peningkatan ketumpatan dapat meningkatkan prestasi penyerapan bunyi yang sederhana dan rendah, tetapi perubahannya lebih kecil daripada yang disebabkan oleh ketebalan yang semakin meningkat.

#### **2.3.5 Bahan menyerap bunyi menyerap kelembapan dan air**


Selepas menyerap air, pelepasan dan udara di dalam bahan berliang digantikan dengan air, yang mengurangkan keliangan dan mengubah perubahan penyerapan bunyi, dengan peningkatan kandungan air, pekali penyerapan bunyi bunyi frekuensi tinggi pertama kali dikurangkan, dan julat pengaruh secara beransur-ansur berkembang

### **2.4 JURNAL RUJUKAN**

#### **2.4.1 PROSES PEMBUATAN (PNP)**

Pembuatan panel penyerap bunyi produk **P.N.P** ini telah berlaku banyak peringkat pada jenis penisbahan dan reka bentuk, seperti di dalam jurnal idea pertama untuk reka bentuk hanya menggunakan kotak telur sebagai bahan utama dan menggunakan sisa kitar semula di masukkan ke dalam ruang-ruang kotak telur dan di tutup dengan kain

hitam supaya rupanya panel tersebut kelihatan lebih kemas, untuk penisbahan pula akan di campurkan setiap bahan seperti contoh setiap satu papan kotak telur berjalur 6 x 6 itu akan di masukkan dengan bahan dengan nisbah 1x1 gram untuk setiap jalur kotak tersebut tetapi idea ini dikemaskini dari segi rupa dan penisbahan .



**Rajah 1: Proses pengujian kotak telur**

Rajah di atas menunjukkan cara-cara proses penggunaan kotak telur sebagai panel penebat bunyi, dengan satu kotak telur di sambungkan lagi dengan kotak telur lain untuk meluaskan lagi permukaan panel penebat bunyi, Oleh itu peluang penyerapan bunyi akan makin luas, di tambah lagi dengan kayu *plywood* untuk menstabilkan lagi panel kotak telur ini supaya tidak mudah jatuh dan tidak bergoyang

Seperti di klasifikasikan di rajah atas, penggunaan kertas terbuang dan plastik yang terbuang telah di jadikan bahan sandaran untuk menyerap bunyi, untuk kemas dan menampakkan lagi produk kajian ini lebih stabil panel tersebut telah dibungkus dengan kain hitam




Figure 10. Graph of noise reduction coefficient against types of materials.

### Jadual 1: Data bahan terbuang

Jadual 1 di atas memaparkan bahawa mengaplikasikan kotak telur sahaja tidak cukup untuk menyerap bunyi oleh kerana penyerapan bunyi untuk kotak telur hanya 0.4 “noise reduction coefficient” tetapi dengan kotak telur dan bahan sandaran seperti hampas tebu (*sugar cane, rajah kotak berwarna biru*) mendapat impak yang sangat kuat apabila di gabungan sekali dengan kotak telur yang mendapat “noise reduction coefficient” sebanyak 0.59. Selain itu, Kulit jagung (*corn skin, rajah kotak berwarna kelabu*) mendapat impak 0.55.

### 2.4.3 Analisis penyerapan bunyi menggunakan kotak telur dan bahan kitar semula

Penyerap bunyi sedia ada di pasaran ialah dihasilkan daripada bahan berasaskan bahan gentian kaca (*FIBER GLASS*). Bahan yang mengandungi gentian kaca mungkin mempunyai kesan buruk pada kesihatan manusia, terutamanya dalam paru-paru dan mata. Selain itu, penyerapan penyerap bunyi daripada sintetik bahan gentian ini juga agak mahal dan kurang berkesan walaupun menunjukkan hasil yang baik dalam menyerap bunyi.

**Table I:** Comparison between natural fibers and glass fibers  
(Wambua, J. Ivens, & I. Verpoest, 2003)

	Natural Fibers	Glass Fibers
Density	Low	Twice of natural fibers
Cost	Low	Low, but higher than natural fibers
Renewability	Yes	No
Recyclability	Yes	No
Energy Consumption	Low	High
Distribution	Wide	Wide
CO <sub>2</sub> Neutral	Yes	No
Abrasion to machine	No	Yes
Health risks when inhaled	No	Yes
Disposal	Biodegradable	Non-Biodegradable

**Jadual 2:** Perbandingan natural fiber dan glass fiber

Jadual 2 menunjukkan perbandingan di antara natural fibers dan glass fiber di mana dari kos, pengitaran semula jadi dan lain-lain menunjukan natural fibers lebih baik daripada glass fibers

Objektif kajian ini adalah untuk menyediakan alternatif bagi penyerapan bunyi menggunakan bahan kitar semula yang mungkin berpotensi menyerap bunyi dan menghasilkan serta menganalisis bunyi penyerap dengan penggunaan bahan kitar semula sebagai kajian bahan.

#### **2.4.4 Bahan-bahan**



**Rajah 2: Contoh hampas tebu di keringkan**

Hampas tebu dipilih sebagai bahan-bahan utama dalam kajian kerana boleh di kitar semula untuk mengurangkan sisa-sisa hampas tebu tidak dibazirkan. Penggunaan hampas tebu selain daripada boleh menyerap bunyi adalah di jadikan sebagai makanan ternakan lembu dan baja untuk tanaman, tetapi penggunaan hampas tebu di dalam sektor ternakan dan botani ini sangatlah luas sehingga penggunaan hampas tebu ini di tidak digunakan sebaik mungkin. Oleh kerana di dalam pemerhatian kajian ini hampas tebu mudah di dapati daripada pengusaha peniaga air tebu di pasar malam atau di warung yang menjual

Hasil siasatan daripada penggunaan hampas tebu untuk menjadikan penyerap bunyi adalah sangat baik kerana mudah di dapati dan tidak mengeluarkan kos walaupun satu ringgit, tetapi kelemahan hampas tebu ini adalah hanya satu iaitu bahan ini mengeluarkan bau yang tidak di senangi kerana proses hampas tebu ini dalam keadaan

berair dan lembap. Jadi untuk mengatasi kelemahan hampas tebu ini adalah dengan jemur di tengah panas dengan masa yang tertentu.



**Rajah 3: Contoh kulit jagung**


Seperti di 2.4.1 jurnal rujukan kulit jagung juga adalah penebat bunyi yang baik di mana “*noise reduction coefficient*” mendapat 0.55 untuk menebat bunyi. Persamaan hampas tebu dengan kulit jagung adalah dua bahan kitar semula ini di gunakan dalam penggunaan botani dan penternakan , sama ada dijadikan dedak dan baja ke dua bahan ini sangat versatil sehinggakan produk ini jika di keringkan boleh menyumbang untuk menyerap bunyi.

Perbezaan untuk dua bahan ini adalah kulit jagung ini tidak berbau seperti hampas jagung malah ia mengeluarkan bau yang di senangi dan lebih kurang wangi juga, tetapi untuk keburukannya adalah kulit jagung ini sedikit susah untuk di dapatkan tidak seperti hampas tebu, pencarian kulit jagung perlu di cari dengan lebih teliti kerana pencarian kulit jagung tidak dapat di jumpa di pasar malam tetapi perlu di cari di kilang-kilang proses pengeluaran jagung.



## 2.4.6 Piawaian akta pencemaran bunyi

